

# PM tolak syor jadikan Pangkor bebas cukai

BH 10 OCT 2002

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Rabu – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak cadangan menjadikan Pulau Pangkor di Perak sebagai pulau bebas cukai seperti diberikan kepada Langkawi, Labuan dan terbaru Pulau Tioman di Pahang.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Perdana Menteri berpendapat, Pulau Pangkor tidak sesuai kerana jaraknya dengan tanah besar terlalu hampir.

“Dr Mahathir juga berpandangan kebanyakan barang di negara ini bebas cukai seperti barangan kulit, kosmetik dan pakaian berjenama, kecuali arak

dan rokok,” katanya.

Tajol Rosli berkata, pandangan itu disampaikan kepada beliau dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir ketika mengemukakan cadangan menjadikan pulau peranginan utama Perak itu sebagai pulau bebas cukai, baru-baru ini.

“Perdana Menteri nampaknya kurang bersetuju dan mencadangkan supaya diwujudkan kedai bebas cukai seperti di Pengkalan Hulu (di daerah Hulu Perak). Kami akur dengan pandangan Dr Mahathir,” katanya kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Kerjasama antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan Inotec (M) Sdn

Bhd (Inotec) di Hotel Legend di sini, hari ini.

Kerjasama antara PKNP dan Inotec itu bagi membangunkan industri pasir berteknologi tinggi bagi pembuatan pelbagai gentian optik dan lampu jalan.

PKNP diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Samsudin Hashim dan Pengarah Bahagian Penggalakan dan Pembangunan Perindustriannya, Muhammad Hafni Ibrahim manakala Inotech diwakili Pengerusinya, Datuk Lt Kol (B) Muhammad Yusoff Awang. Sebanyak RM5 juta dilaburkan untuk industri pasir berteknologi baru itu dan kilang pembuatan gentian fiber dijangka memulakan operasinya pertengahan tahun depan.

Tajol Rosli berkata, kerajaan negeri tidak mahu Pulau Pangkor yang diberi status pulau bebas cukai menjadi tumpuan dan dikenali ramai sebagai pulau bebas cukai yang hanya menjual arak dan rokok semata-mata.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri sedang berusaha meningkatkan infrastruktur dan prasarana di pulau peranginan itu dalam usaha menarik orang ramai ke pulau itu walaupun ia tidak dikenali sebagai pulau bebas cukai.

Katanya, pihaknya akan menggableng usaha menjadikan Pulau Pangkor sebagai tempat tumpuan pelancong dengan mengambil beberapa strategi lain termasuk membesar-

kan lapangan terbang pulau itu.

Beliau berkata, dengan adanya lapangan terbang itu dijangka menarik lebih banyak syarikat penerbangan mendarat di pulau peranginan itu.

Katanya, penginapan dan tempat rekreasi bagi pelancong juga akan ditingkatkan selain memastikan semua kemudahan bersih dan selesa untuk pengunjung dari dalam dan luar negara.

“Suku daripada 23 juta pelancongan yang datang ke Perak akan mengunjungi Pulau Pangkor dan jumlahnya bertambah setiap hujung minggu sehingga menyebabkan semua bilik penginapan penuh,” katanya.